



MAHU TERUS ISTIQAMAH MELAKUKAN KEBAIKAN

Selepas berusia 22 tahun, saya bersyukur kerana diberi kekuatan untuk melakukan perubahan imej dan penampilan. Saya kini memilih untuk bertudung dan menutup aurat. Sebelum ini saya lebih selesa tanpa tudung dan hanya sesekali mengenakan selendang.

Seboleh-bolehnya saya ingin melupakan kisah lalu dan berusaha memantapkan keimanan agar menjadi Muslimah sejati. Bagaimanapun, dalam usaha meyakinkan diri dengan perubahan ini, saya sering didatangi perasaan ragu-ragu.

Suasana dan persekitaran membuatkan saya sedikit terganggu dengan perubahan ini. Saya terimanya sebagai ujian Allah untuk melihat kesungguhan saya tetapi perlukan bimbingan bagi merawat keresahan hati.

MENCARI JAWAPAN Melaka

Apa yang ingin saya kongsi ialah mengenai sikap terpuji yang perlu dipupuk secara berterusan iaitu istiqamah. Apabila kita berbicara mengenai istiqamah, ia tidak terlepas daripada hidayah. Tidak mungkin seseorang mampu melakukan sesuatu secara istiqamah melainkan mendapat hidayah (petunjuk) daripada Allah SWT. Usaha untuk beristiqamah memerlukan usaha dan kesabaran.

Berikut keutamaan istiqamah dan tip yang boleh dilakukan:

1. MEMAHAMI DAN MENGAMALKAN UCAPAN DOA KALIMAH SYAHADAH

Apabila ingin terus dalam agama ini, kita perlu kekal dengan Rukun Islam pertama iaitu mengucap kedua kalimah syahadah. Ertinya kita berikrar tidak akan menyekutukan Allah serta taat kepada perintah dan ajaran utusan-Nya, Muhammad SAW. Inilah juga yang mengikrarkan anda kepada keputusan untuk menutup aurat dengan sempurna. Yakini setiap gerak rasa itu diberkati Allah dan teruslah mengamalkannya.

2. MEMERSANYAKKAN BACAAN AL-QURAN

Membaca al-Quran dan memahami maksudnya membolehkan anda mengetahui setiap hukum agama dengan lebih mendalam. Selain membolehkan anda lebih khusyuk dalam solat, ia juga membantu memperbaiki kelemahan diri dan yakin dengan usaha yang mendatangkan manfaat kepada diri sendiri dan orang lain.

3. MULAI DENGAN AMALAN SEDERHANA

Untuk terus istiqamah dalam amal soleh, anda perlu

membiasakan diri melakukan amalan sederhana seperti bersedekah (walaupun sedikit), membantu kawan dan sebagainya. Daripada sedikit, ia ditingkatkan hingga menjadi amalan besar lagi istiqamah.

4. PAKSA DAN LATIH DIRI MEMBERI MANFAAT KEPADA ORANG LAIN

Beramal soleh tidak hanya berkaitan diri sendiri, tetapi juga bagi orang sekitar kita. Sikap terlalu mementingkan diri walaupun dalam kebaikan menjadi halangan untuk kita terus istiqamah. Perkara penting ialah sentiasa berusaha membuat kebaikan dengan memberikan manfaat kepada orang lain.

5. TINGKATKAN KEYAKINAN ADA BALASAN DI AKHIRAT

Untuk terus istiqamah dalam beramal, kita perlu mempercayai setiap amal baik pasti mendapat balasan. Begitu juga apabila kita mulai kufur dan ingin kembali melakukan kemaksiatan, ingatlah keburukan yang akan menimpa di akhirat.

6. MEMILIKI KAWAN BOLEH DIJADIKAN CONTOH

Memiliki sahabat yang boleh dijadikan rujukan serta pembimbing adalah satu kelebihan. Jika anda ada sahabat yang boleh dijadikan contoh, dekatilah mereka. Pelajari setiap nilai positif dan berbincanglah bagi membantu anda tampil lebih yakin dan selesa dengan perubahan dibuat. Bijak memilih kawan tip paling utama dalam menangani masalah membabitkan persekitaran.

7. MEMBACA KISAH ORANG ALIM DAN SOLEH

Antara yang boleh memotivasikan kita untuk sentiasa istiqamah dalam beramal ialah dengan membaca kisah orang beriman dan meneladani sikap mereka dalam beribadat.

8. PERBANYAK DOA MEMOHON PERTOLONGAN ALLAH SWT

Doa adalah kekuatan utama bagi setiap manusia. Berdoalah tanpa henti agar anda terus istiqamah untuk mengejar syurga Allah. Katakan pada diri dan niatkan dalam hati perubahan ini adalah kerana Allah.

SUKAR BAHAGIA

Pelbagai masalah dialami punca hilang arah dan sering menyalahkan takdir



Saya sering berdepan masalah sukar untuk bahagia. Terlalu banyak perkara berlaku dalam hidup sehingga akhirnya saya tertekan dan tidak merasai nikmat kebahagiaan.

Saya sedar kebahagiaan boleh hadir dalam pelbagai cara, namun pelbagai masalah dialami menyebabkan saya hilang arah dan akhirnya sering menyalahkan takdir. Saya harap puan dapat membantu mengatasi masalah ini dengan berkongsi tip berguna.

MENCARI KEBAHAGIAAN Terengganu.

Kebahagiaan perlu dicipta, bukan dikejar. Segalanya bergantung kepada cara kita bersyukur apa yang dimiliki. Berikut perkongsian untuk melatih diri rasa bahagia:

1. HATI YANG SELALU BERSYUKUR

Selalu bersyukur bererti menerima apa adanya (qanaah) dan tidak berlebihan. Ketenangan fikiran adalah nikmat bagi hati yang selalu bersyukur. Seorang yang pandai bersyukur akan ikhlas atas apa saja dikehendaki Allah SWT. Apabila diuji dengan pelbagai ujian, mereka tetap tenang dan mampu menghadapinya tanpa mengeluh. Apabila sedang diberi kemudahan, ia bersyukur dengan memperbanyak amal ibadahnya.

2. MENJADI ANAK YANG SOLEH

Allah meredai anak yang soleh. Amal ibadah tidak cukup untuk membalas nikmat Allah SWT yang dikurniakan kepada kita. Begitu juga dengan kebaikan ibu bapa. Setiap

kita boleh memulakannya dengan menjadi anak yang soleh.

4. PERSEKITARAN YANG POSITIF

Maksud persekitaran yang positif dan kondusif ialah merasa tenang dengan kehidupan seharian serta orang di sekeliling. Anda mengenal sesiapa sahaja di sekitar anda, tetapi untuk menjadikannya sebagai sahabat, ia memerlukan individu yang mempunyai nilai tambah terhadap keimanan serta memberi pengaruh nilai yang baik.

5. UMUR YANG BERKAT DAN BERMANFAAT

Nikmat usia paling bermakna kepada setiap manusia. Kita tidak akan selamanya terus hidup. Usia yang masih berbaki perlu dimanfaatkan dengan hal kebaikan. Berbahagialah dengan nikmat usia yang masih ada kerana ia bermaksud anda ada peluang dan kesempatan untuk melakukan kebaikan.

6. SEMANGAT UNTUK MEMAHAMI ISLAM

Semangat memahami Islam diwujudkan dengan memahami al-Quran dan hadis. Semakin banyak kita belajar, kita kian terangsang untuk belajar lebih mendalam mengenai sifat Allah dan ciptaan-Nya. Semakin belajar, semakin cinta kita kepada agama dan semakin tinggi cinta kepada Allah dan Rasul-Nya. Cinta inilah yang akan memberi cahaya kepada hati.